

**Oleh :** DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK  
**Tempat :**  
**Tarikh :** 28-02-2005  
**Tajuk :** MAJLIS PERASMIAN PELANCARAN SEMINAR PERCAMBAHAN  
PEMIKIRAN ISLAM HADHARI PERINGKAT IPTA DAN IPTS

Ucapan Yang Amat Berhormat  
Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj. Abd. Razak  
Timbalan Perdana Menteri Malaysia  
Di Majlis Perasmian Pelancaran  
Seminar Percambahan Pemikiran Islam Hadhari  
Peringkat IPTA dan IPTS  
28 Februari 2005 (Isnin)  
Jam 10.30 Pagi

-----  
YB. Dato' Dr. Shafie Salleh, Menteri Pendidikan Tinggi Merangkap Ahli Jawatankuasa  
Induk Islam Hadhari,

YBhg. Tan Sri Dato' Dr. Abdul Hamid Othman, Penasihat Agama Islam kepada YAB  
Perdana Menteri Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Islam Hadhari,

YBhg. Prof. Dato' Dr. Hassan Said, Ketua Pengarah, Jabatan Pengajian Tinggi,  
Kementerian Pengajian Tinggi,

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

1. Saya bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana izin dan inayahNya jualah kita dapat bersama-sama dalam Majlis Perasmian Pelancaran Seminar Percambahan Pemikiran Islam Hadhari Peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) ini.
2. Sesungguhnya saya berasa bangga kerana dapat bersama tuan-tuan dan puan-puan para cerdik pandai dalam majlis ilmu yang membincangkan tentang Islam Hadhari. Seperti yang kita sedia maklum Projek Islam Hadhari ini merupakan satu agenda amat murni oleh kerajaan demi untuk memartabatkan dan mempertahankan maruah serta kesucian agama Islam yang suci.
3. Perkara pokok yang perlu diperjelaskan kepada semua adalah Islam Hadhari bukanlah satu agama baru atau ajaran baru. Setelah berakhirnya perutusan para Nabi dan Rasul selepas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W., tugas bimbingan terhadap pemahaman agama Islam diteruskan oleh para ulama dan para pemimpin.

Justeru, konsep dan pendekatan kefahaman kita terhadap Islam tetap diteruskan dan diolah oleh para ulama dan pemimpin menurut kesesuaian zaman dan peredaran masa selagimana ianya tidak melanggar prinsip asas yang digariskan oleh Al-Quran dan Sunnah. Ini amat mustahak difahami kerana Islam itu adalah agama yang bersifat dinamik dan progresif.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

4. Sebagai umat Islam yang hidup di zaman yang penuh cabaran dan pancaroba, kita harus sedar tentang berbagai-bagai rintangan dan cabaran semasa yang melanda kita. Kehidupan semasa yang serba komplikated mengundang kita agar memberi nafas baru dan pendekatan yang realistik terhadap cara beragama. Sememangnya Islam itu sendiri amat menuntut kita menjadi maju, proaktif, bersikap ke hadapan dan tidak kaku serta jumud.

5. Dari kerana itulah, kerajaan mengambil berat dan meletakkan di satu tempat yang tinggi tentang usaha untuk memberi kefahaman yang jelas tentang Islam yang sebenar melalui pendekatan ini. Selaras dengan itu, konsep hidup sebagai pengabdian kepada Tuhan dan konsep kerja sebagai ibadah, manusia sebagai khalifah dan kewajiban mencapai kekuatan dalam semua bidang kehidupan perlu dititikberatkan, khususnya prinsip MAQASID AL SYARIAH adalah berkaitan dengan lima perkara seperti berikut :

- Menjaga, memartabatkan dan memperkasakan agama;
- Menjaga, memartabatkan dan memperkasakan akal;
- Menjaga, memartabatkan dan memperkasakan nyawa;
- Menjaga, memartabatkan dan memperkasakan harta;
- Menjaga, memartabatkan dan memperkasakan keturunan.

6. Tambahan pula usaha menjana dan memperkasa Islam Hadhari adalah selari dengan ajaran agama Islam yang merupakan agama rasmi negara kita. Pelaksanaan program Islam Hadhari dengan menyeluruh dan semaksima mungkin menjadi agenda murni kerajaan bagi meninggikan imej dan martabat umat Islam sesuai dengan hadis riwayat Baihaqi "Islam itu tinggi dan tidak ada yang lebih tinggi daripadanya".

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

7. Selain daripada itu, kita semua sebagai hamba Allah perlu menyedari hakikat bahawa manusia itu tidak dijadikan sia-sia. Kita diajar bahawa kehidupan di dunia ini adalah untuk menuju ke akhirat untuk satu kehidupan yang kekal abadi. Oleh kerana itu tugas manusia adalah untuk memakmurkan bumi ini bersesuaian dengan kehendak Allah SWT. Manusia sebagai khalifah yang memegang amanah dari Allah S.W.T. Apa yang dimaksudkan dengan memakmurkan bumi itu ialah membuat serta menyeru kepada kebaikan dan mencegah keburukan. Manusia tidak boleh hidup kosong tanpa menyumbang kepada kemakmuran. Apatah lagi adalah amat berdosa jika kita merosakkannya (bumi dan kehidupan). Inilah hakikat pembangunan insan (human development) yang dimaksudkan oleh YAB. Perdana Menteri.

8. Ajaran Islam yang universal dan sejagat menganjurkan orang Islam memahami dan menjalani setiap detik kehidupan mereka sebagai ibadah. Segala yang baik itu bersifat ibadah. Ini kerana setiap detik kehidupan mereka di dunia ini akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah S.W.T. kelak. Justeru itu, Islam Hadhari

menganjurkan bahawa kehidupan manusia umumnya dan orang Islam mempunyai tujuan dan bukanlah bersifat kosong dan sia-sia. Keseluruhan maksud Islam Hadhari ialah anjuran manusia hidup dan bekerja keras demi kebaikan dunia dan akhirat dengan cara memperbaiki diri mereka sendiri dan pada masa yang sama mengajak orang lain berbuat kebaikan dan kebajikan. Setiap satu amalan dan perbuatan yang baik menjadi komponen yang melengkapi komponen yang lain dan setiap satu amalan itu adalah ibadah menjadi pelengkap kepada satu ajaran yang murni.

9. Secara dasarnya Islam Hadhari ingin mencapai sepuluh prinsip utama.

- i. Keimanan dan ketakwaan kepada Allah;
- ii. Kerajaan adil dan beramanah;
- iii. Rakyat berjiwa merdeka;
- iv. Penguasaan ilmu pengetahuan;
- v. Pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif;
- vi. Kehidupan berkualiti;
- vii. Pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita;
- viii. Keutuhan budaya dan moral;
- ix. Pemeliharaan alam semula jadi;
- x. Kekuatan pertahanan.

10. Namun pada dasarnya 10 prinsip dan segala usaha yang dibuat tidak mungkin membuahkan hasil sekiranya kita sebagai umat Islam terus-terusan tidak mahu mengubah corak kehidupan kita. Kita harus mengakui bahawa rata-rata umat Islam masih jauh ketinggalan dalam banyak hal. Adalah amat penting kita keluar dari kepompong yang membelenggu kita dengan nilai-nilai negatif yang mengarahkan kita kekal dalam keadaan yang mundur dan terkebelakang.

11. Di sini sebagai umat Islam di Malaysia kita perlu bersyukur kerana kerajaan berusaha dengan kuat untuk melihat umat Islam dan ajaran agama yang suci ini mampu bergerak seiring dengan orang lain yang maju di dunia ini.

12. Maka saya ingin menyeru kepada semua amnya dan para cerdik pandai khususnya supaya menjadi teraju dan barisan yang dapat terus berusaha mencari jalan keluar dan kaedah penyelesaian dalam usaha membina masyarakat Islam yang ampuh, berdaya maju dan berdaya juang. Kita tidak mahu umat Islam di negara ini lemah, tidak berupaya dan ketinggalan. Tonggak kepada semua ini adalah ketamadunan yang dibina berasaskan ilmu pengetahuan. Begitu banyak ayat suci dan hadis yang memperkatakan tentang peri pentingnya ilmu yang menjadi asas kepada seluruh ruang lingkup kehidupan kita sama ada yang berkaitan fizikal mahupun spiritual dan mental.

13. Seraya dalam menjana dan memacu Islam Hadhari, kita perlukan kekuatan ilmu pengetahuan sama ada dalam ilmu Fardhu 'Ain mahupun ilmu Fardhu Kifayah. Kita perlulah mempertingkatkan ilmu kita dalam semua aspek dari masa ke semasa. Dalam Islam, proses pembelajaran berlaku sepanjang hayat dan sentiasa berterusan dan tidak terhenti setakat memperolehi sijil ataupun kelulusan. Sabda junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. yang bermaksud:

"Tuntutlah ilmu daripada buaian sampai ke liang lahad".

14. Bangsa yang cemerlang adalah bangsa yang mementingkan penguasaan ilmu dan pendidikan. Seandainya sesuatu bangsa itu berada dalam kegelapan dan

kejahilan ilmu pengetahuan, nescaya ia tidak dapat menilai sesuatu yang penting dan bermakna kepada mereka. Dalam hal ini, saya ingin membawa satu kisah benar tentang penemuan Batu Bersurat yang memiliki nilai sejarah amat tinggi dan bermakna dalam menandakan kedatangan Islam serta hukum-hakamnya di rantau sebelah sini, sekali gus menjadi bukti bahawa orang-orang Melayu telah memeluk agama suci ini sejak abad ke-13. Batu Bersurat yang bertarikh 702 Hijrah ini telah ditemui pada tahun 1887 Masihi di kawasan Padang Tara di tepi Sungai Tara, Kampung Buluh Kuala Berang, Terengganu.

15. Sayangnya, disebabkan kejahilan orang-orang Melayu pada ketika itu, Batu Bersurat tersebut tidak dapat dinilai kepentingannya. Batu Bersurat itu telah dijadikan alas tempat membasuh kaki di masjid selama hampir 16 tahun sebelum ditemui oleh seorang pedagang dari Riau Lingga yang bernama Saiyed Hussein bin Ghulam Al-Baukhari pada tahun 1902. Hanya 20 tahun selepas itu, iaitu pada tahun 1922, gambar batu bersurat itu telah dihantar kepada seorang Inggeris yang bernama C. O. Blegden untuk dikaji dan dibuat pembacaan.

16. Bayangkanlah, tanpa ilmu pengetahuan, kita tidak dapat menilai dan menghargai sesuatu perkara yang sangat signifikan dalam sejarah dan tamadun kita. Malahan kita terpaksa bergantung pula kepada orang asing untuk mengkaji dan menterjemahkan bukti sejarah dan tamadun kita sendiri. Ironisnya Batu Bersurat tersebut ditulis di dalam bahasa Melayu dan tulisan jawi!

17. Kita perlu tanamkan dalam generasi kita sikap dan semangat untuk unggul dan berjaya dalam semua jenis ilmu pengetahuan. Bangsa yang terkehadapan di dunia sekarang ini dan untuk masa hadapan, adalah bangsa yang mengungguli semua jenis ilmu pengetahuan. Islam telah lama menyarankan soal ini. Kita perlu prihatin tentang sikap dan mentaliti kita tentang soal ilmu pengetahuan sekiranya kita ingin menjadi bangsa yang dihormati di dunia.

18. Oleh yang demikian, Islam Hadhari juga merupakan satu usaha kerajaan yang bermatlamat untuk melahirkan masyarakat yang berakhlak mulia, berbudi pekerti tinggi, berbudi bahasa dan bersopan santun melalui amalan nilai-nilai murni seperti yang diajarkan oleh Islam. Para ibu bapa perlu menyuntik setiap anak-anak mereka dengan nilai-nilai murni dan tata susila seperti yang telah digariskan oleh Islam. Masyarakat yang berakhlak mulia, bertata susila, berbudi pekerti tinggi, berbudi bahasa dan bersopan santun adalah merupakan manifestasi ketinggian ketamadunan Melayu-Islam. Rasulullah S.A.W. membawa mesej ini kepada semua umat manusia. Sabdanya:

“Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak”.

19. Di pihak kerajaan tentunya, telah dari masa ke semasa memperbaiki sistem pentadbiran dengan prinsip ketelusan dalam pentadbiran. Kita juga telah menjalankan usaha mempertingkatkan integriti khususnya di kalangan kakitangan awam dan memperelokkan kualiti perkhidmatan dan profesionalisme kakitangan kerajaan. Semua ini adalah dalam ruang lingkup pelaksanaan, konsep, prinsip dan falsafah Islam Hadhari yang kita yakini sepenuhnya akan membawa kepada kemajuan dan kemakmuran negara.

20. Perlaksanaan Islam Hadhari di negara kita juga tidak akan menjejaskan kerukunan dan kebebasan beragama bahkan mempertingkatkan keharmonian bermasyarakat dan bernegara di kalangan masyarakat berbilang kaum di negara

kita. Islam adalah agama keselamatan dan perdamaian. Perkataan Islam itu sendiri membawa maksud selamat, damai dan sejahtera.

21. Islam sentiasa menganjurkan kerukunan dan perpaduan sama ada di kalangan sesama Muslim dan juga dengan bukan Islam. Pelaksanaan Islam Hadhari mempertingkatkan lagi rasa kesedaran di kalangan umat Islam tentang keperluan kepada sikap toleransi yang tinggi dan rasa hormat-menghormati di kalangan masyarakat berbilang agama bagi mengekalkan keamanan dan keselamatan negara.

22. Nikmat keamanan yang dianugerahkan Allah S.W.T. kepada kita adalah di antara nikmat yang tiada taranya. Kita bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana dalam suasana aman damai ini kita dapat bersama menjalani kehidupan seharian termasuklah beribadah tanpa sebarang takut dan bimbang. Inilah nikmat yang tidak terhitung kurniaan Allah kepada kita. Kita dapat sama-sama menyumbang kepada kemajuan dan pembangunan negara tanpa menjejaskan tumpuan kita untuk beribadah. Bahkan sumbangan mulia dan amal soleh kita dalam konteks kemajuan dan pembangunan negara juga dikira sebagai ibadah seperti saya katakan tadi.

23. Jelasnya, kesemua program-program pembangunan kerajaan adalah lambang kepada pelaksanaan Islam Hadhari. Kita percaya, melalui pelaksanaan Islam Hadhari, kita akan dapat membangunkan ekonomi orang Islam dengan lebih baik di samping mengubah sikap dan budaya kerja orang-orang Islam. Kita juga percaya bahawa pembangunan ekonomi berasaskan ilmu pengetahuan dan penggunaan sains dan teknologi serta lain-lain lagi dapat membantu usaha kita bagi membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup umat Islam. Kita juga memberikan perhatian yang serius kepada golongan kurang upaya dan warga emas dengan menjaga kebajikan dan perkhidmatan terhadap mereka.

24. Islam Hadhari yang disemai dan dibangunkan oleh kerajaan akan menjadi pemangkin kepada suatu kesedaran baru dan anjakan paradigma dalam pemikiran umat Islam agar berusaha kuat dalam semua perkara sama ada dalam ekonomi, pekerjaan, pendidikan dan sebagainya. Saidina Umar r.a. pernah berkata: "Hampir-hampir kefakiran itu membawa kepada kekufuran". Kita tidak patut hanya berserah dan pasrah kepada takdir tentang keadaan ekonomi dan status pendapatan kita. Kita perlukan perubahan diri, pengorbanan, penghijrahan dan perubahan sikap untuk berpindah kepada suatu keadaan yang lebih baik dalam mempertingkatkan status ekonomi dan kadar purata pendapatan umat Islam.

25. Berkat usaha kerajaan dan kesungguhan umat Islam mendekati Islam dengan cara yang betul, hasilnya adalah semasa saya menghadiri Forum Ekonomi Dunia di Davos baru-baru ini. Kita dapat berbangga dan bersyukur kerana dunia Islam khususnya dan dunia amnya telah mula melihat Malaysia sebagai Negara Islam Contoh untuk diikuti. Mereka mengkagumi usaha kerajaan dan kaedah pendekatan Islam bersifat sederhana tetapi dinamik yang diamalkan di Malaysia.

26. Hakikatnya, Malaysia sedang mengorak langkah untuk menjadi pusat perkhidmatan kewangan Islam global yang mampu bersaing di persada kewangan antarabangsa. Kita bermula dengan penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad dan kita sedang menuju ke suatu arah yang jelas untuk dicontohi oleh negara lain terutamanya dalam aspek kewangan, perbankan dan ekonomi Islam.

27. Malaysia kini sedang menjadi perhatian negara-negara Islam lain dan menjadi contoh untuk diambil pengajaran oleh negara-negara lain. Bukan sahaja dalam

aspek ekonomi Islam kita sedang dipelajari, bahkan Malaysia merupakan peneraju kepada Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang mana YAB. Perdana Menteri adalah pengerusinya. Kita juga adalah negara Islam contoh dan kita juga adalah model negara Islam bermasyarakat berbilang kaum dan mempunyai pelbagai agama. Kejayaan negara kita mengekalkan kestabilan dan keharmonian antara kaum adalah satu rekod yang perlu kita pertahankan dengan kompleksiti kepelbagaian kaum.

28. Pendekatan Islam Hadhari yang diterapkan oleh kerajaan dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran negara telah berjaya membawa negara kita ke satu tahap yang membanggakan dan kita ingin meneruskan kejayaan ini bersama-sama dengan Wawasan 2020. Kita ingin merealisasikan hasrat untuk menjadi negara Islam contoh yang toleran dan progresif. Pendekatan-pendekatan yang diambil berkaitan dengan hal ehwal Islam dan pemerintahan negara adalah pendekatan-pendekatan yang realistik dan tidak keterlaluan. Kita cuba mengelakkan kemudaratan dan kita mengambil manfaat yang paling signifikan. Sebab itu kita tidak akan bertolak ansur terhadap golongan yang ingin mencetuskan suasana yang tidak kondusif dalam negara atau mereka yang cuba melanggar undang-undang dan perlembagaan negara. Kerajaan sentiasa menggunakan hikmah (kebijaksanaan) untuk menangani isu-isu terrorisme, hal ehwal diplomatik serantau dan juga antarabangsa.

29. Kita juga perlu meneruskan rasa patriotik dan kecintaan yang tinggi pada negara tempat tumpah darah kita ini. Islam mengajarkan bahawa kasihkan negara itu sebahagian daripada iman. Kelangsungan kemerdekaan negara kita bergantung kepada sejauh mana kita bersedia untuk bersama-sama dengan pihak kerajaan memerangi segala bentuk fahaman yang bercanggah dengan Islam, fahaman ras yang chauvinistik, ekstremisme, terrorisme serta sebarang bentuk keganasan yang merugikan bangsa dan agama kita.

30. Maka, amatlah kena pada masanya agar para mahasiswa kita di IPTA dan IPTS didedahkan dengan pemahaman sebenar mengenai Islam Hadhari agar mereka dapat bersama dengan kerajaan bagi merealisasikan hasrat murni kerajaan dalam pembangunan negara dan peningkatan daya saing bangsa dan agama.

Sebelum saya akhiri ucapan saya ini, saya merakamkan ucapan tahniah kepada YB. Dato' Dr. Shafie Hj. Salleh, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia dan Jawatankuasa Induk Islam Hadhari dan semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan seminar ini.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Majlis Pelancaran Seminar Percambahan Pemikiran Islam Hadhari Peringkat IPTA dan IPTS ini.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Pejabat Timbalan Perdana Menteri  
Putrajaya

28 Februari 2005